

19 JUN 1998

DR MAHATHIR RASMI PERHIMPUNAN AGUNG UMNO KE-52

KUALA LUMPUR, 19 Jun (Bernama) -- Perhimpunan Agung Umno 1998 bermula di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini pagi ini dengan dihadiri lebih 1,900 anggota perwakilan.

Acara bermula dengan upacara memeriksa perbarisan Briged Pemuda dan Wanita serta menaikkan bendera Umno oleh Presiden Parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Dataran PWTC.

Turut hadir ialah Timbalan Presiden Datuk Seri Anwar Ibrahim, Setiausaha Agung Datuk Sabbaruddin Chik dan anggota Majlis Tertinggi Umno.

Selepas itu, Dr Mahathir menyampaikan ucapan dasar Presiden dan merasmikan perhimpunan tahunan parti di Dewan Merdeka yang dihadiri kira-kira 2,500 orang termasuk dif jemputan.

Ia turut dihadiri pemimpin parti-parti komponen Barisan Nasional serta pemerhati tempatan dan luar negara.

Pada Perhimpunan Agung ke-52 ini, sebanyak 14 pemerhati luar negara dari parti politik di seluruh dunia dijemput menghadirinya.

Sebanyak 18 wakil dan enam pemerhati kelab Umno di luar negara juga menghadiri perhimpunan tiga hari itu.

-- BERNAMA

NHD NMO